

20 DEC 2001

Mahathir-Misuari

NUR MISUARI TETAP DIHANTAR PULANG

CHANGLOON, 20 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan tetap dengan pendiriannya untuk menghantar pulang ke Filipina bekas Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao, Nur Misuari.

Beliau berkata kerajaan telah berjanji untuk menghantar Misuari pulang dan kerajaan tidak boleh memungkiri janji yang telah dibuat itu.

Namun demikian, katanya, kerajaan bersedia melihat surat permohonan suaka politik sementara yang dilaporkan telah dihantar oleh peguamnya, Elly Pamatong.

Dr Mahathir berkata beliau belum melihat surat permohonan itu.

"Itu (surat permohonan suaka politik sementara) kita kaji. Kita telah berjanji kalau ada orang yang terlibat dengan keganasan, masuk negara kita, kita akan tahan dan hantar balik... itu janji kita, kita tidak boleh mungkir janji," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis perkahwinan anak Setiausaha Umno Bahagian Kubang Pasu Shamsudin Ahmad, di dewan orang ramai Felda Batu Lapan, di sini, hari ini.

Misuari yang menghadapi tuduhan pemberontakan di Filipina, ditahan pihak berkuasa Malaysia pada 24 Nov lepas di perairan Sabah kerana cuba memasuki negara ini secara haram.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dalam akhbar hari ini dilaporkan berkata bahawa tanggungjawab Malaysia adalah terhad kepada menyerahkan Misuari semula kepada pihak Filipina.

Dr Mahathir berkata kerajaan perlu mengambil tindakan tegas mengikut undang-undang dalam menangani kes Misuari kerana tidak mahu peristiwa seperti itu berulang lagi.

Katanya kerajaan bagaimanapun belum menetapkan tarikh penghantaran pulang Misuari.

Perdana Menteri berkata sepatutnya Misuari tidak datang ke negara ini selepas melancarkan pemberontakan di Filipina kerana ia hanya menimbulkan masalah kepada negara ini.

"Dia tidak sepatutnya datang ke negara ini selepas membuat angkara di negaranya... dia lari ke sini sehingga menyebabkan kita serba salah kerana kita tidak mahu bermusuhan dengan sesiapa," katanya.

Majlis perkahwinan yang dihadiri Dr Mahathir itu ialah antara anak perempuan Shamsudin, Naritashema, 23, dan Syed Rizan Syed Nordin, 24. Kedua-duanya adalah guru sekolah rendah di Pulau Pinang.

Yang turut hadir ialah Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

-- BERNAMA

MZM NMO